

# Sambutan Santai Bersama E-Semtra Meriah di Kampung E

oleh: Mastinah Along

SABTU, 12 APRIL – Kelab Seni Muzik Tradisional (E-Semtra) Kampung *Excellent*, telah mengadakan santai bersama kelab tersebut selama satu jam di cafeteria kampung E disambut meriah.

Kedatangan pelajar bukan sahaja daripada kampung E, tetapi pelajar dari Kampung Anugerah Bestari (AB) dan Cemerlang Dinamik (CD) turut serta memeriahkan majlis santai tersebut.

Objektif program itu adalah untuk menghidupkan lagi Seni Muzik Tradisional dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Antara muzik tradisional yang dimainkan ialah, lagu Penampang, Papar, Cacha, Limbai dan mengilik.

Selangan bagi di setiap muzik tradisional itu pula, diselitkan lagu-lagu moden yang dipersembahkan sendiri oleh ahli kelab E-Semtra. Antaranya ialah, lagu daripada Najwa Latif yang bertajuk Hilang, New Band yang



**Ahli Kelab E-semtra menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program mereka.**

mempersembahkan lagu Bersamamu, lagu Gunung Kinabalu dan Anak Kampung.

“pada mulanya terkejut juga kerana bekalan elektrik putus secara tiba-tiba, mujurlah kafe tidak gelap gelita, kerana warung-warung sekitar yang masih menggunakan elektrik. Kami pun tidak pasti punca bekalan putus, tapi apa yang kami kesal setelah berakhirnya majlis santai ini, secara tiba-tiba bekalan elektrik hidup semula,” kata Pengarah Program Santai Bersama Esemtra.

Menurutnya lagi, program ini bukan pertama kali diadakan. Ia sudah sebatian dengan kelab E-semtra untuk melakukan aktiviti ini sekali dalam setahun dan hanya satu jam sahaja. Matlamat utamanya adalah untuk memperlihatkan dan memberikan semangat dalam kalangan pelajar UMS, betapa pentingnya seni tradisional dalam kehidupan sekarang